

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PEJABAT BENDAHARI**

UTHM/PB/100-6/4 Jld 3 (23)

Tarikh : 20 Mei 2021

PEKELILING BENDAHARI BIL. 7/2021

Semua Pengurus Bahagian

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

YBhg. Datuk/Prof./Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PENGURUSAN TABUNG DAN AKAUN AMANAH DI UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan tentang Garis Panduan Pengurusan Tabung dan Akaun Amanah di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Universiti melalui Pekeliling Bendahari Bil. 7/2004 telah mengeluarkan peraturan/tatacara berkenaan garis panduan pengurusan tabung dan akaun amanah di UTHM.
- 2.2 Selaras dengan perubahan masa, terdapat keperluan untuk menyemak semula peraturan atau garis panduan sedia ada supaya ianya sentiasa relevan. Pindaan garis panduan ini bertujuan menambahbaik peraturan atau garis panduan sedia ada supaya penyampaian perkhidmatan Universiti adalah lebih baik.
- 2.3 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 2/2021 yang telah bersidang pada 25 April 2021 telah meluluskan penggunaan garis panduan ini.

3.0 GARIS PANDUAN TABUNG DAN AKAUN AMANAH

Garis panduan pengurusan tabung dan akaun amanah UTHM yang telah dipinda adalah seperti di **Lampiran A**. Garis panduan ini menerangkan dengan lebih jelas mengenai definisi, permohonan penubuhan, pindaan dan penutupan tabung dan akaun amanah, jawatankuasa pemegang amanah, tatacara terimaan dan perbelanjaan wang, baki debit, wang lebihan dan penutupan akaun.

4.0 PEMATUHAN DAN TANGGUNGJAWAB

Setiap Pengurus Bahagian adalah bertanggungjawab dalam memastikan pengurusan tabung dan akaun amanah mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

5.0 KUATKUASA DAN PEMBATALAN PEKELILING

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan.


Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, Pekeliling Bendahari Bil. 7/2004 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGAI COVID-19”

Yang benar,



NORZAIMI BIN HAMISAN

Bendahari

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

- s.k. - YBhg. Naib Canselor
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- Ketua Unit Audit Dalam